

# KELAS OLEH KOMANDER PANGKALAN UDARA SUBANG UNTUK PENUNTUT KURSUS PEGAWAI SKUADRON SIRI 89/2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2984-kelas-oleh-komander-pangkalan-udara-subang-untuk-penuntut-kursus-pegawai-skuadron-siri-89-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2984-kelas-oleh-komander-pangkalan-udara-subang-untuk-penuntut-kursus-pegawai-skuadron-siri-89-2018)

TANJUNG BUNGAH, 1 Feb 18 - Komander Pangkalan Udara Subang, YBhg Brig Jen Dato Shamsudin bin Kassim TUDM telah menyampaikan syarahan kepada penuntut Kursus Pegawai Skuadron Siri 89/2018 yang terdiri daripada 27 orang pegawai TUDM dan seorang pegawai dari Bangladesh Air Force bertempat di Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP).



Beliau turut menandatangani buku lawatan sambil disaksikan oleh Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Lt Kol Mohd Safiee bin Mohd Yusof TUDM.